

05/08/1998

20 pegawai polis dipecat tahun lalu

reports on "Dewan Rakyat" by Salina Abdullah; Badrila Jamlus  
KUALA LUMPUR, Selasa - Seramai 20 pegawai polis pelbagai jawatan dipecat tahun lalu sehingga sekarang kerana menyalahgunakan kuasa polis, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, tindakan itu diambil terhadap mereka atas kesalahan rasuah, menyalahgunakan harta kerajaan dan menggunakan kedudukan dalam mengendalikan kes sivil.

Selain itu, beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata anggota polis terbabit dikesan enggan membayar tambang pengangkutan dan memasuki tempat larangan.

"Sebanyak 13 daripada kes itu dikesan tahun lalu, manakala bakinya tahun ini.

"Daripada jumlah itu, lapan anggota berpangkat lans koperal, enam konstabel, dua konstabel tambahan dan setiap seorang pegawai berpangkat asisten komisioner, ketua inspektor, inspektor dan sarjan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka).

Perangkaan menunjukkan tiada kes dikesan di Perlis, Melaka, Negeri Sembilan dan Terengganu sepanjang tempoh itu, manakala Sarawak, Kedah, Pulau Pinang dan Johor mencatatkan kes bagi kedua-dua tahun.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, 198 orang ditahan mengikut Akta Keselamatan Negeri (ISA) 1960 dengan 124 ditahan atas kesalahan memalsukan dokumen pengenalan dan perjalanan Malaysia, sindiket kemasukan pendatang asing tanpa izin (66), gerakan penyelewengan agama Islam (tujuh) dan kegiatan gerakan Acheh (satu).

Menurutnya, lapan tahanan ISA sudah menjalani hukuman melebihi dua tahun.

Berhubung laporan Lim terhadap Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, atas dakwaan membuat berita palsu, menghasut dan memfitnahnya ketika kempen pilihan raya kecil Teluk Intan pada 14 Mei 1997, beliau berkata:

"Siasatan berhubung perkara itu sudah disempurnakan.

"Kertas siasatan itu diedarkan kepada Timbalan Pendakwaraya Perak untuk tindakan selanjutnya."

Dr Mahathir berkata, laporan Lim terhadap Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin masih berjalan.

Menurutnya, kertas siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Kedah sebaik saja siasatan disempurnakan.

(END)